



PERUTUSAN

PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN TAHUN 2026



Bismilahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita diberi kekuatan dan kesempatan untuk melangkah ke tahun 2026. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada barisan Lembaga Pengarah, para perwakilan bagi Penggal 2024–2026, ahli-ahli serta seluruh warga kerja Persatuan Nelayan atas komitmen dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan masing-masing.

Pengurusan tadbir urus serta tatakelola pentadbiran yang berintegriti, telus dan berakauntabiliti merupakan teras utama dalam memastikan kelangsungan serta kredibiliti Persatuan Nelayan. Sehubungan itu, setiap Persatuan Nelayan hendaklah mematuhi sepenuhnya segala peruntukan undang-undang dan punca kuasa yang berkuat kuasa, termasuk Akta 44 – Akta Persatuan Nelayan 1971, Peraturan-Peraturan Persatuan Nelayan 1972, Perlembagaan Persatuan Nelayan masing-masing, arahan Pendaftar yang berkaitan serta Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah badan awam. Sebarang salah guna kuasa, penyelewengan, konflik kepentingan atau ketidakpatuhan terhadap tatacara kewangan dan perolehan boleh dikenakan tindakan undang-undang yang tegas.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Bagi memberdayakan Persatuan Nelayan, saya telah mensasarkan 12 Sasaran Utama sebagai matlamat yang perlu dicapai untuk tahun 2026 dan tentunya sasaran ini turut melibatkan peranan penting Persatuan Nelayan. Terdapat 8 daripada 12 sasaran utama tersebut yang melibatkan peranan Persatuan Nelayan. Antaranya adalah Melestarikan Pemasaran Ikan, Persatuan Nelayan sebagai peneraju Stok Simpanan Ikan (SSI), Keunikan Produk Perikanan Setiap Negeri melalui 'Fisheries State Signature Heritage Product' (FISHPRO), Keberkesanan Program 'Touch Point', Pengkuhan Kompleks LKIM, Pembangunan Sistem Undi Digital Persatuan Nelayan, Pengkalan Data Nelayan (PADAN) serta ke arah sifar Persatuan Nelayan Daif.

Seiring dengan itu, penglibatan aktif Persatuan Nelayan dalam pelbagai kluster dan projek ekonomi berimpak tinggi seperti aktiviti hiliran perikanan, pemprosesan hasil laut, pemasaran bersepadu serta keusahawanan nelayan perlu terus diperkasakan secara berdisiplin dan berintegriti, selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Pemanfaatan inisiatif sokongan kerajaan melalui bantuan kewangan, geran pembangunan, pemindahan teknologi, latihan keusahawanan serta program pemodenan sektor perikanan hendaklah diurus secara telus dan berakauntabiliti agar manfaatnya benar-benar memberi impak kepada peningkatan pendapatan, kesejahteraan ahli serta pembinaan ekosistem perikanan yang mampan, berdaya tahan dan inklusif demi kelangsungan generasi akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bersidang sempena Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Tahun 2026 dan mendoakan agar barisan kepimpinan serta seluruh ahli terus beristiqamah, berintegriti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab demi kesejahteraan Persatuan Nelayan. Sekian.

Wabillahittaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#cukupdanterjamin #MempersadakanLKIM #MemberdayakanPersatuanNelayan #MemartabatkanNelayan

(DR. HAJI ABDUL SALIM BIN HAJI TAJUDIN)

Pendaftar
Persatuan Nelayan

